

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, October 1, 2019 12:23 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM LAWAT KELUARGA NAHAS JALAN RAYA



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

1 OKTOBER 2019 / 2 SAFAR 1441H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

UUM LAWAT KELUARGA NAHAS JALAN RAYA



UUM ONLINE: Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali tiba di Kelantan, semalam untuk menziarah keluarga mendiang Sik Wei Nei, yang meninggal dunia dalam nahas kemalangan jalan raya.

Dalam kejadian Sabtu lalu, dua pelajar UUM iaitu Sik Wei Nei, 23, dan Chua Wen Chun, 21, maut dalam kemalangan apabila kereta dinaiki mereka bersama tiga lagi pelajar terbabas berdekatan tangki air UUM.

Mereka adalah Wong Ren Kai (Sarjana Muda Pengurusan Operasi dengan Kepujian), Tan Yee Ching (Sarjana Muda Pengurusan Acara dengan Kepujian) dan Ooi Hui Lin (Sarjana Muda Pengurusan Operasi dengan Kepujian) yang masih dirawat di hospital.

Suasana suram dan hiba menyelubungi keluarga, sanak saudara dan ramai tetamu yang datang untuk memberi penghormatan terakhir sebelum pengebumian pada tengah hari ini, di Wat Ariyakiri Pauh Lima, Gunong, Kota Bharu, Kelantan.

Turut mengiringi, Pengarah Unit Perkhidmatan dan Sokongan Pelajar (SSSU), Dr. Rajwani Md Zain dan Jamaat Alhaffis Mansor.

Dalam kunjungan itu, Dr. Hendrik memberi kata-kata semangat dan mengucapkan takziah kepada ibu bapa mangsa iaitu Lee Kim Yean dan Sik Ching Siong yang mesra menyambut kedatangan wakil UUM itu.

“Satu kehilangan besar terutamanya buat keluarga ini, perasaan sedih dan sebak dapat dirasakan apabila kami melihat keadaan ibu bapa dan ahli keluarga yang kehilangan anak perempuan tunggal kesayangan mereka.

“Keluarga terharu dengan kedatangan kami kerana tidak menyangka pihak UUM begitu prihatin sehingga sanggup datang dari jauh semata-mata untuk menjenguk mereka dan mendiang anaknya.

“Mereka menyatakan penghargaan dan menghargai sumbangan, bantuan dan sokongan yang diberikan sepanjang proses pengurusan jenazah termasuk membawa pulang mendiang dari Kedah ke Kelantan,” luahnya.

Dr. Hendrik turut menyampaikan ucapan takziah daripada Naib Canselor UUM kepada keluarga mendiang selain meminta mereka terus kuat menghadapi dugaan ini dan UUM sentiasa bersedia membantu dengan sewajarnya.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the